

ARAHAN : SUSUN PERISTIWA PEMBUKAAN KOTA MEKAH MENGIKUT KRONOLOGI YANG BETUL

Nabi Muhammad bersama kaum Muslimin seramai 10,000 orang berangkat ke Mekah pada bulan Ramadhan Tahun ke-8H selepas Quraisy melanggar salah satu isi Perjanjian Hudaibiyah

Nabi Muhammad memerintahkan kaum Muslimin menggunakan jalan yang berbeza untuk memasuki kota Mekah bagi melemahkan kekuatan Musyrikin Quraisy

Nabi Muhammad melakukan tawaf dan memusnahkan sebanyak 360 berhala yang ada di sekeliling Kaabah serta memberikan kemaafan terhadap kaum Quraisy atas kesilapan yang lalu

Nabi Muhammad memerintahkan kaum Muslimin supaya mendirikan khemah dan menyalakan obor api bagi menggerunkan kaum Quraisy

Nabi Muhammad memasuki kota Mekah dengan menunggang unta dan menundukkan kepala sebagai tanda merendah diri kepada Allah serta bersyukur atas nikmat kemenangan

Akhirnya, ramai Musyrikin Quraisy bersetuju berbaiah kepada Nabi Muhammad serta berjanji taat dan setia kepada Allah dan Rasul

Nabi Muhammad memberikan jaminan keselamatan kepada penduduk Mekah yang masuk atau berlindung ke rumah masing-masing, ke Masjidil Haram atau ke rumah Abu Sufyan

1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	

Goodluck anak-anak sazah!